



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KONVENSYEN PERBURUHAN ZON UTARA TAHUN 2024: DASAR DAN PELAKSANAAN GAJI DI MALAYSIA

1. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sentiasa peka dan komited dalam membantu pekerja bagi menjamin pendapatan mereka melalui pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (PGM). Ini kerana pelaksanaan PGM telah membantu meningkatkan nilai gaji dan pendapatan pekerja yang berkemahiran rendah. Sejak tahun 2012, sebanyak lima PGM telah diperkenalkan dan terkini, PGM 2022 adalah seragam seluruh negara dengan kadar gaji minimum sebanyak RM1,500 sebulan.
2. Pelaksanaan PGM menunjukkan impak positif dalam meningkatkan tahap gaji pekerja yang berkemahiran rendah. Berdasarkan statistik, lebih kurang 875 ribu pekerja sektor swasta di seluruh Malaysia yang bergaji bawah RM1,500 menikmati gaji minimum tersebut.
3. Penyebarluasan maklumat dan perkongsian analisis mengenai gaji adalah amat penting. Ini bagi meningkatkan kesedaran serta membantu pemegang taruh termasuk agensi Kerajaan, pihak majikan dan kesatuan sekerja dalam membuat perancangan yang lebih holistik demi pembangunan ekonomi dan pertumbuhan hasil negara. Dalam masa yang sama, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) turut menjalankan penguatkuasaan terhadap pelaksanaan PGM melalui aktiviti pemeriksaan ke atas majikan bagi memastikan pihak majikan mematuhi sepenuhnya PGM.
4. Selain itu, Dasar Gaji Progresif (DGP) juga dilaksanakan sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan bagi mereformasi pasaran buruh dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan pekerja selari dengan peningkatan produktiviti. Pengenalan dasar baru ini akan menjadi pelengkap kepada inisiatif gaji sedia ada iaitu Perintah Gaji Minimum dan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (*Productivity Linked-Wage System* - PLWS). Kerajaan juga telah bersetuju untuk melaksanakan **projek rintis DGP yang akan dilaksanakan mulai Jun 2024 hingga Ogos 2024** melibatkan sebanyak 1,000 majikan berdasarkan prinsip ***first come first serve***.

- Kedua-dua dasar ini akan mampu membantu meningkatkan pendapatan pekerja dan seterusnya memacu Malaysia** dalam mempercepat pertumbuhan kadar upah dan menangani isu berkaitan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang rendah. Ia juga adalah selaras dengan Kajian Separa Penggal (KSP) RMKe-12 ke arah meningkatkan gaji dan mencapai pengagihan pendapatan yang lebih seimbang. Ia berteraskan produktiviti dan bertujuan untuk memastikan kesaksamaan kepada kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja melalui konsep timbal balik.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
31 MEI 2024